

# Penjawat awam perlu pegang nilai murni – Tun M

**PUTRAJAYA 9 Julai** - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, penjawat awam perlu berpegang kepada nilai-nilai murni dan tidak menyalahgunakan kuasa serta amanah yang dipertanggungjawabkan.

Menurut Perdana Menteri, para pentadbir juga wajar memiliki keikhlasan dalam menjalankan tugas untuk menjayakan pembangunan negara.

“Kita tidak diberi kuasa di peringkat ini untuk perkhayatan diri kita tetapi untuk menjalankan tugas-tugas tertentu. Apabila kita seleweng, salah guna kuasa, percayalah kita sendiri akan jadi mangsanya kemudian.

“Kuasa bukan untuk memperkayakan diri, keluarga atau sahabat handai, kuasa ada matlamat khusus untuk menjayakan negara,” katanya ketika berucap dalam Majlis Perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM)

di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa dan Liew Vui Keong; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh, Mohamed Hanipa Maidin dan Dr. Md. Rafik Md. Farid serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Peguam Negara, Tommy Thomas.

Perjumpaan itu merupakan yang pertama bagi Timbalan Perdana Menteri dan menteri serta timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri sejak mereka menyertai Kabinet selepas Pakatan Harapan (PH) memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Dr. Mahathir memberitahu, negara tidak akan berjaya sekiranya warga pentadbiran tidak mengamalkan disiplin serta men-

uasai ilmu pengetahuan.

“Negara maju mempunyai budaya tertentu, rajin bekerja, amanah, tekun berusaha dan belajar kuasai ilmu, mereka amal apa yang dipelajari dan nilai hidup mulia menjadi sebahagian budaya mereka,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut mengingatkan bahawa setiap doa perlu disusuli dengan tindakan bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

“Jikalau hanya sembahyang, solat hajat tetapi tidak buat apa-apa, cita-cita tidak akan datang bergolek, untuk mencapainya perlu ambil tindakan tertentu.

“Ada negara maju dan mundur dan ada negara yang tidak selamat kerana peperangan dalam kalangan mereka sendiri. Kita boleh maju seperti orang lain kalau kita punyai sifat-sifat yang boleh menyumbang kepada kemajuan,” katanya.